

Dedah penderhaka negara: Mahathir

11 JUL 1992

KUALA LUMPUR, Jumaat -- Pemimpin utama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak dan V David adalah penderhaka kepada negara kerana sanggup berbohong dan membiarkan diri diperalat oleh pertubuhan asing bagi memburukkan negara sendiri, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pemimpin MTUC sanggup diperalat oleh pertubuhan dan kesatuan sekerja Barat yang ingin melihat pekerja Malaysia tidak mempunyai pekerjaan dengan mengagalkan pembangunan ekonomi negara.

"Hakikatnya, mereka ini (pemimpin MTUC) ialah penderhaka kepada negara mereka sendiri. Kita mesti dedahkan orang ini.

"MTUC sendiri (sebagai pertubuhan) tidak mengapa-

Yang menjadi masalah ialah MTUC dipimpin oleh pemimpin parti pembangkang dan parti pembangkang ini tidak ada kesetiaan kepada negara.

"Mereka sanggup memburukkan negara kita di luar negara. Kalau perkara itu benar, tak apa juga. Ini bohong dan (mereka) pergi bohong pula kepada orang lain mengenai keadaan negara kita," katanya selepas melancarkan Pameran Belia Dalam Pembinaan Negara di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah lanjutan kerajaan selepas Kabinet memutuskan untuk tidak mengambil tindakan terhadap MTUC berikutan tindak-tanduk pemimpinnya yang dikatakan memburukkan imej negara.

Dalam Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) ke-79 di Geneva baru-

baru ini, Zainal yang juga Presiden MTUC, dikatakan bekerjasama dengan Persekutuan Pekerja Logam Antarabangsa (IMF) untuk memburukkan Malaysia.

David pula sebagai Setiausaha Agung MTUC yang mempertahankan tindakan Zainal dan IMF, juga terbabit dengan mengeluarkan pelbagai kenyataan yang mendakwa Kerajaan Malaysia melanggar undang-undang buruh.

Perdana Menteri berkata, pemimpin MTUC seperti Zainal dan David hanya mahu menjadi pemimpin pertubuhan besar bagi mendapatkan peruntukan dan kutipan wang.

"Mereka mahu menggunakan pertubuhannya besar bagi mengugut kerajaan dan negara. Jadi, kerajaan perlu menjelaskan mengenai sikap penderhakaan orang ini," katanya.